- 37.2. The Customer undertakes that neither it nor its Affiliate nor anyone acting on its direction or authority shall, whether before, during or after the term of this Agreement, directly or indirectly, give or offer, or agree to give or offer, any Gratification in relation to this Agreement as an inducement or reward to any director, officer or employee of the Bank or any other person, for doing or forbearing from doing or for having done or forborne from doing any act, or for showing or forbearing from showing favour or disfavour to any person, in relation to this Agreement.

*Pelanggan beraku janji bahawa tiada dia atau Gabungannya atau sesiapa yang bertindak atas arahan atau kuasanya, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Perjanjian ini, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau bersetuju untuk memberi atau menawarkan, sebarang Imbuan berhubung dengan Perjanjian ini sebagai dorongan atau ganjaran kepada sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank atau orang lain, kerana melakukan atau menahan dari melakukan atau kerana telah melakukan atau telah menahan dari melakukan sebarang perbuatan pun, atau kerana menunjukkan atau menahan dari menunjukkan pilih kasih atau tidak suka terhadap sebarang orang, berhubung dengan Perjanjian ini.*

- 37.3. In the event there is evidence that the Customer, its Affiliate or anyone acting under its direction or authority is in breach of clause 37.1 or 37.2 above, the Bank may terminate this Agreement (without prejudice to the Bank's other rights remedies under the law) by giving written notice to the Customer. Upon such termination, the Bank (or any description consistently used in this Agreement) shall be entitled to claim all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Bank arising from such termination. The Customer shall not be entitled to recover from the Bank any loss arising from such termination.

*Sekiranya terdapat keterangan bahawa Pelanggan, Gabungannya atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau kuasanya melanggar fasal 37.1 atau 37.2 di atas, pihak Bank boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa prejudis terhadap hak remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Setelah penamatan tersebut, pihak Bank (atau sebarang deskripsi yang*

- Agent -:

Nama:

IC:

*Au*



*digunakan secara konsisten dalam Perjanjian ini) berhak menuntut semua kehilangan, kos, kerugian dan perbelanjaan termasuk sebarang kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penamatan tersebut. Pelanggan tidak berhak untuk mendapatkan kembali dari Bank sebarang kerugian yang berbangkit akibat penamatan tersebut.*

37.4. Notwithstanding any other provision herein but subject to any written law and with the exception of written requests from the Customer's internal auditors or lawyers for information required by any laws, the Bank shall keep confidential any information disclosed or received including the identity of the person giving the information and all the circumstances relating to the information.

*Walau apa pun peruntukan lain di sini tetapi tertakluk kepada undang-undang bertulis dan dengan permohonan bertulis untuk mengetepikan dari juruaudit dalaman atau peguam Pelanggan untuk maklumat yang diperlukan oleh undang-undang, pihak Bank akan merahsiakan segala maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberikan maklumat dan semua keadaan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.*

37.5. The Customer shall also whistle-blow in the event of any malpractice or wrong-doing by the Bank's staff or employees toward them or their staff, agents or contractors.

*Pelanggan juga akan mendedahkan sekiranya berlaku penyelewengan atau salah laku oleh kakitangan atau pekerja Bank terhadap mereka atau kakitangan, ejen atau kontraktor mereka.*

37.6. For the purpose of this clause:

*Untuk tujuan fasal ini:*

(a) "Affiliate" means in relation to the Customer, any person or entity owned and controlled directly or indirectly by the Customer, or any person or entity that controls directly or indirectly the Customer in any way whatsoever;

*"Gabungannya" bermaksud berhubungan dengan Pelanggan, setiap orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau sebarang orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dengan apa cara pun;*

(b) "Gratification" includes any gift, money, property or thing of value or any service, favour or other thing of value, or any service, favour or other intangible benefit or consideration of any kind, or any other similar advantage.

*"Imbuan" merangkumi sebarang hadiah, wang, harta atau barang berharga atau sebarang perkhidmatan, bantuan atau perkara lain yang bernilai, atau sebarang perkhidmatan, bantuan atau faedah tidak ketara lain atau balasan dalam bentuk apa pun, atau kelebihan lain yang sama.*

37.7. The Customer shall demonstrate a high standard of ethical conduct and professionalism in order to safeguard the Bank's good name by taking all necessary safeguards and precautions to alert the commission of any unethical action including any appearance or impression to such effect.

*Pelanggan harus menunjukkan tingkah laku etika dan profesionalisme yang tinggi untuk melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk menyedari berlakunya sebarang tindakan yang tidak beretika termasuk penampilan atau kesan yang berlaku.*

### 38.0. SHARIAH COMPLIANCE

38.1. The Customer hereby agrees and confirms that this Facility and any transaction entered into pursuant to this Facility are subject to and in conformity with Shariah principles, as ascertained by the Shariah Advisory Council (SAC) of Bank Negara Malaysia and/or any other authority having jurisdiction over the Bank.

*Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa Kemudahan ini dan sebarang transaksi yang dilakukan lanjutan dari Kemudahan ini adalah tertakluk kepada dan mematuhi prinsip Shariah, seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) Bank Negara Malaysia dan/atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.*

38.2. Where in any proceedings relating to this Facility and any transaction entered into pursuant to this Facility before any court or arbitrator any question arises concerning a Shariah matter, the court or the arbitrator, as the case may be shall:

*Di mana dalam prosiding yang berkaitan dengan Kemudahan ini dan sebarang transaksi yang dimasuki lanjutan dengan Kemudahan ini di hadapan mahkamah atau penimbang tara, timbul persoalan mengenai hal Shariah, mahkamah atau penimbang tara, mengikut keadaannya akan:*

(a) take into consideration any published rulings of the SAC; or  
*mengambil pertimbangan sebarang keputusan yang diterbitkan SAC; atau*

(b) refer such question to the SAC for its ruling.  
*merujuk soalan tersebut kepada SAC untuk keputusannya.*

38.3. Any such rulings made by the SAC shall be final and binding among the Customer and the Bank and the court or arbitrator making a reference to the SAC.

*Sebarang keputusan yang dibuat oleh SAC adalah muktamad dan mengikat di antara Pelanggan dan Bank dan mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan kepada SAC.*

38.4. If at any time before or during this Facility and any transaction entered into pursuant to this Facility, it is discovered or it has come to the attention of the Customer and the Bank that any aspect or part/portion of this Facility, is likely to infringe any Shariah principles, guidelines, specifications, standards or circulars, the Customer and the Bank hereby agree that the relevant provision and/or term shall be amended/varied for compliance purpose. The amendment or variation is to such extent as is necessary to be in conformity with Shariah principles, guidelines, specifications, standards or circulars. The Bank shall be entitled to issue such amendments or variations by giving the requisite twenty-one (21) calendar days' notice to the Customer.

*Sekiranya pada suatu waktu sebelum atau semasa Kemudahan ini dan transaksi yang dimasuki lanjutan kepada Kemudahan ini, ianya ditemui atau diketahui oleh Pelanggan dan Bank bahawa sebarang aspek atau bahagian dari Kemudahan ini, berkemungkinan melanggar sebarang prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekelliling Shariah, Pelanggan dan Bank dengan ini bersetuju bahawa peruntukan dan/atau terma yang relevan tersebut akan dipinda/diubah untuk tujuan pematuhan. Pindaan atau variasi adalah seperti mana yang diperlukan agar sesuai dengan prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekelliling Shariah. Bank berhak untuk mengeluarkan pindaan atau perubahan tersebut dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari calendar seperti yang dikehendaki kepada Pelanggan.*

38.5. The Customer agrees that the Indebtedness arising from the Customer's utilization of the Facility shall remain intact and owing and shall not in any way or manner be affected adversely by any Shariah ruling as above.

*Pelanggan bersetuju bahawa Keberhutangan yang timbul dari penggunaan Kemudahan ini oleh Pelanggan akan tetap utuh dan terhutang dan tidak akan terjejas dengan cara atau keadaan apa pun oleh keputusan Shariah di atas.*



**39.0. TAWARRUQ CONCEPT/KONSEP TAWARRUQ**

39.1. The Personal financing-i Facility is based on Shariah principle of Tawarruq where:

*Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq di mana:*

- (a) The Customer shall enter into the Tawarruq Transaction prior to disbursement of this Facility;  
*Pelanggan hendaklah memasuki Transaksi Tawarruq sebelum pengeluaran kemudahan ini;*
- (b) In accordance with the Shariah concept of Tawarruq, the Tawarruq Transaction as follows shall take place:  
*Bersesuaian dengan konsep Syariah Tawarruq, Transaksi Tawarruq seperti berikut akan berlaku:*
  - i. Pursuant to the Purchase Undertaking, the Bank will, at the Customer's request, purchase a specific Shariah compliant commodity ("the Commodity" consists of crude palm oil (CPO), rubber or any other commodity as advised by the Commodity Supplier) from Commodity Supplier at the Bank's Purchase Price;  
*Lanjutan dari Aku janji Pembelian, Bank akan, atas permohonan Pelanggan, membeli komoditi spesifik yang patuh Syariah ("Komoditi" terdiri dari minyak sawit mentah (CPO), getah atau komoditi lain seperti yang disarankan oleh Pembekal Komoditi) dari Pembekal Komoditi pada Harga Pembelian Bank;*
  - ii. Pursuant to the appointment of agent in this Application Form Together with Letter of Offer, the Bank will sell the Commodity to the Customer at the Bank's Sale Price on deferred payment terms. Subsequently the Bank, acting as the Customer's agent, will sell the Commodity to the Commodity Supplier (who shall not be the same commodity supplier in Clause 39.1(b)(i) above, except where the sale is on random basis) at the Bank's Purchase Price which is equivalent to the amount of this Facility. The proceeds from the sale will be made available to the Customer, subject to the terms and conditions of this Facility.  
*Lanjutan dari pelantikan ejen dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran ini, Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank atas terma bayaran tertunda. Selepas itu Bank, yang bertindak sebagai ejen Pelanggan, akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi (yang bukan pembekal komoditi yang sama dalam fasal 39.1(b)(i) di atas, kecuali jika jualan dilakukan secara rawak) pada Harga Pembelian Bank yang bersamaan dengan jumlah kemudahan ini. Hasil penjualan tersebut akan disediakan untuk Pelanggan, tertakluk kepada terma dan syarat kemudahan ini.*
- (c) In relation to the agency created under the appointment of agent in this Application Form with Together with Letter of Offer, the Customer shall pay to the Bank the Brokerage Fee (Agency Fee), subject to the terms and conditions as stated in these General Terms and Conditions;  
*Berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan di bawah pelantikan ejen dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran ini, Pelanggan perlu membayar kepada pihak Bank Fi Broker (Fi Agensi), tertakluk pada Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am ini;*
- (d) The Commodity is sold by the Bank to the customer on an "as is where is" basis;  
*Komoditi tersebut dijual oleh pihak Bank kepada pelanggan atas dasar "apa seadanya";*
- (e) The Commodity shall be any commodity which is permissible and is in compliance with Shariah principles as specified at the time of transaction.  
*Komoditi tersebut adalah segala komoditi yang dibenarkan dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah seperti yang ditentukan pada waktu transaksi.*

**40.0. REBATE (IBRA') FOR EARLY SETTLEMENT/REBAT (IBRA') UNTUK PENYELESAIAN AWAL**

40.1. For Personal Financing-i Facility, the Bank shall grant rebate to the Customer if any of the following shall occur:

*Untuk kemudahan Pembiayaan Peribadi-i, pihak Bank akan memberikan rebat kepada Pelanggan sekiranya berlaku perkara berikut:*

- (a) Early settlement or early redemption, including those arising from prepayments;  
*Penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang berbangkit dari pembayaran awal;*
- (b) Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise;  
*Penyelesaian kontrak pembiayaan asal akibat penstrukturan semula pembiayaan;*
- (c) Settlement of this Facility in the case of default; and  
*Penyelesaian Kemudahan ini sekiranya berlaku kemungkiran; dan*
- (d) Settlement of this Facility in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.  
*Penyelesaian Kemudahan ini sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.*

40.2. Rebate shall be calculated based on the following formula:

*Rebat akan dikira berdasarkan formula berikut:*

<p><b>Rebate (Ibra') = Deferred Profit – Reasonable Estimated Cost Incurred by the Bank</b> <b>Rebat (Ibra') = Keuntungan Tertangguh – Kos Taksiran Munasabah yang Ditanggung oleh Bank</b></p>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

40.3. Rebate shall not be construed in any manner whatsoever as cash rebate payable to the Customer but shall be reflected as a reduction in the profit element of the instalment of the Bank's Sale Price.

*Rebat tidak boleh difafsirkan dengan apa cara sekalipun pun sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan tetapi akan dicerminkan sebagai pengurangan elemen keuntungan daripada ansuran Harga Jualan Bank.*

40.4. Rebate shall only be granted in the manner as determined by the Bank upon receipt of the settlement/redemption sum.

*Rebat hanya akan diberikan dengan cara yang ditentukan oleh pihak Bank setelah menerima jumlah penyelesaian/penebusan.*

AGENT

Nama :

IC :





**41.0. AUTHORISATION LETTER TO DEBIT ACCOUNT/SURAT KEBENARAN UNTUK MENDEBIT AKAUN**

41.1. The Customer irrevocably authorises the Bank to deduct the instalment payments, profits, contribution on takaful policies and any miscellaneous expenses due pertaining the Customer financing from the Customer's savings/current account at any time the Bank considers fit at Bank's discretion notwithstanding any terms and conditions contained in any security documents regarding the payment of the Customer's financing and without prejudice to the Bank's rights under the security documents.

*Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh dibatalkan kepada pihak Bank untuk menolak bayaran ansuran, keuntungan, sumbangan untuk polisi takaful dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pembiayaan Pelanggan dari akaun simpanan/semasa Pelanggan pada bila-bila masa yang Bank anggap sesuai atas budi bicara Bank walau apa pun terma dan syarat yang terkandung dalam sebarang dokumen sekuriti mengenai pembayaran pembiayaan Pelanggan dan tanpa menjejaskan hak Bank di bawah dokumen sekuriti.*

SAVINGS/CURRENT ACCOUNT-I NO./NO AKAUN SIMPANAN/SEMASA: 1423 0000 0000 (KHB)

**REMINDER:** The Customer is hereby reminded to read and understand the terms and conditions of this Application Form Together with Letter of Offer before signing below. In the event there are any terms and conditions in this Application Form Together with Letter of Offer that the Customer does not understand, the Customer is hereby advised to discuss further with the Bank's staff, representative or agent before signing below.

**PERINGATAN:** Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya Pelanggan tidak jelas dengan sebarang terma dan syarat di dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran, Pelanggan dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada staf, wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah.

Signature verified by/Tandatangan disahkan oleh:

*mengikuti salinan buku bank / penyata akaun*

- AGENT -

*Am*

Name>Nama: **FATIMAH BINTI AHMAD**  
NRIC/NKP: **910000-00-0000**  
Date/Tarikh: **01-03-2021**

Staff Name>Nama Staf: **- AGENT -**  
PS No./No. PS: **IC NUMBER**

Referred By (Non-Sales Staff)/Dirujuk oleh (Bukan Staf Jualan)  
PS No./No. PS:

*KEGUNAAN  
BANK  
SHJ.  
- KOSONGKAN -*



<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)</b> (PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah).		<b>VERSI BAHASA MALAYSIA</b>  Bank : <b>Affin Islamic Bank Berhad</b> Produk : <b>Pembiayaan Peribadi-i AFFIN ISLAMIC</b>  Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan: _____ (hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)	
<b>1. Apakah produk ini?</b>			
Pembiayaan Peribadi-i AFFIN ISLAMIC adalah pembiayaan berjangka tanpa cagaran untuk memenuhi keperluan kewangan peribadi yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah dan ditawarkan sama ada di bawah kadar tetap atau berubah.			
<b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b>			
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pembiayaan Peribadi-i AFFIN ISLAMIC</b> adalah berdasarkan kepada konsep <i>Tawarruq</i> (Komoditi Murabahah).</li> <li>• <b>Tawarruq</b> adalah beberapa siri kontrak jualan di mana pembeli membeli aset daripada penjual secara bayaran tertangguh dan kemudian menjual aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga tertangguh, dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.</li> <li>• Pelanggan hendaklah memasuki Transaksi Tawarruq sebelum pengeluaran Kemudahan ini:           <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Menurut Aku Janji Belian, pihak Bank akan, atas permintaan Pelanggan, membeli komoditi spesifik yang patuh Syariah ("Komoditi" terdiri daripada minyak sawit mentah (CPO), getah atau komoditi lain seperti yang disarankan oleh Pembekal Komoditi) daripada Pembekal Komoditi pada Harga Belian Bank;</li> <li><input type="checkbox"/> Menurut Perlantikan Bank sebagai Ejen di dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran, pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank secara bayaran tertangguh. Selepas itu pihak Bank, bertindak sebagai ejen Pelanggan, akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi (yang bukan pembekal komoditi yang sama, kecuali jika jualan dilakukan secara rawak) pada Harga Belian Bank yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan ini. Hasil daripada jualan tersebut akan tersedia ada untuk Pelanggan, tertakluk kepada terma dan syarat Kemudahan menurut Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran.</li> </ul> </li> <li>• Berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan di bawah Perlantikan Bank sebagai Ejen di dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran, Pelanggan hendaklah membayar Fi Broker (Fi Agensi) kepada pihak Bank, tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Am.</li> <li>• Komoditi tersebut dijual oleh pihak Bank kepada pelanggan atas dasar "apa seadanya".</li> <li>• Komoditi tersebut adalah sebarang komoditi yang dibenarkan dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah seperti yang ditentukan pada waktu transaksi.</li> </ul>			
<b>3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?</b>			
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelanggan Bergaji termasuk Program Pembiayaan Khas;</li> <li>▪ Pesara di bawah Pencen Kerajaan Skim A sahaja (bayaran pencen yang dikreditkan ke dalam akaun bank pesara). Ia juga terpakai kepada balu pesara yang menerima Derivatif Pencen dengan usia kemasukan minimum adalah 21 tahun;</li> <li>▪ Kakitangan kerajaan.</li> </ul>		
Amaun Pembiayaan	<b>RM</b> _____ <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum: RM2,500 atau RM5,000 untuk pesara</li> <li>• Maksimum: RM150,000</li> </ul>		
Tempoh Pembiayaan	_____ <b>TAHUN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum: 2 tahun</li> <li>• Maksimum: 10 tahun atau sehingga umur 60 tahun, yang mana lebih awal.</li> <li>• Maksimum (Pesara): 10 tahun atau sehingga umur 70 tahun, yang mana lebih awal.</li> </ul>		

- AGENT -

nama:

lc:





Kadar Keuntungan	Pakej	Kadar	Dengan Takaful (setahun)	Tanpa Takaful (setahun)	Kadar Keuntungan Tahunan Efektif
	Program Pembiayaan Khas	<input type="checkbox"/> Tetap	_____ %	_____ %	_____ %
		<input type="checkbox"/> Berubah	KA + _____ %	KA + _____ %	_____ %
	Pelanggan Bergaji	<input type="checkbox"/> Tetap	_____ %	_____ %	_____ %
		<input type="checkbox"/> Berubah	KA + _____ %	KA + _____ %	_____ %
	Kakitangan Kerajaan	<input type="checkbox"/> Tetap	_____ %	_____ %	_____ %
		<input type="checkbox"/> Berubah	KA + _____ %	KA + _____ %	_____ %
Pesara	<input type="checkbox"/> Tetap	_____ %	_____ %	_____ %	
<p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar keuntungan akan ditentukan pada masa permohonan.</li> <li>Sila layari <a href="http://www.affinislamic.com.my">www.affinislamic.com.my</a> untuk Kadar Asas (KA) terkini (terpakai kepada pembiayaan kadar berubah sahaja).</li> <li>Program Pembiayaan Khas merujuk kepada Pakej Pembiayaan Peribadi-i AFFIN ISLAMIC yang ditawarkan kepada staf syarikat atau pelanggan terpilih.</li> </ul>					
Harga Jualan Bank	<p><input type="checkbox"/> <b>Kadar Tetap:</b>            Harga Belian Bank + (Harga Belian Bank x Kadar Keuntungan x Tempoh Pembiayaan (tahun))</p> <p><input type="checkbox"/> <b>Kadar Berubah:</b></p> $p * n + \left[ \frac{(((1 + r/1200)^n) - 1)}{(r/1200) ((1 + r/1200)^n)} \right]$ <ul style="list-style-type: none"> <li>p = Harga Belian Bank</li> <li>r = Kadar Keuntungan Siling</li> <li>n = Bilangan Tempoh Pembiayaan (dalam bulan)</li> </ul>				
Kadar Keuntungan Siling (terpakai untuk pembiayaan kadar berubah sahaja)	15.00% setahun				
<p><b>Nota:</b>            Amaun yang diluluskan dan tempoh Kemudahan anda adalah bergantung kepada penilaian kredit dan kriteria kelulusan yang ditetapkan oleh pihak Bank.</p>					
<p><b>4. Apakah Kadar Asas (KA)? - (terpakai untuk pembiayaan Kadar Berubah sahaja)</b></p> <p>Kadar Asas (KA) yang kami tawarkan untuk Pembiayaan Runcit Kadar Terapung terdiri daripada dua bahagian, iaitu tanda aras Kos Dana (COF) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.</p>					
<p><b>5. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KA? - (terpakai untuk pembiayaan Kadar Berubah sahaja)</b></p> <p>KA boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan dalam polisi kewangan seperti Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti perubahan dalam keadaan pendanaan.</p>					
<p><b>6. Penanda Aras Kos Dana (COF) terdahulu dalam tempoh 3 tahun yang lepas - (terpakai untuk pembiayaan Kadar Berubah sahaja)</b></p> <p>Sila rujuk <a href="http://www.affinislamic.com.my">www.affinislamic.com.my</a> untuk data sejarah terkini.            (Pergi ke Pautan Pantas &gt; Kadar &gt; Penanda Aras Kos Dana yang Digunakan untuk Menentukan Kadar Asas).</p>					



**7. Apakah kewajipan saya?**

- Anda dikehendaki untuk membayar semua ansuran bulanan melalui cara pembayaran yang telah dipersetujui yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran atau mana-mana notis lain, setelah pembayaran dibuat sehingga penyelesaian penuh akaun pembiayaan.
- Sekiranya pemotongan gaji yang dilakukan oleh majikan/pemindahan dana automatik daripada akaun gaji yang masih dikekalkan dengan pihak Bank belum dimulakan, anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran bulanan tepat pada masanya dan hendaklah dibayar seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran.
- **Penting:** Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza-beza tertakluk kepada perubahan Kadar Asas (KA) - (terpakai untuk pembiayaan Kadar Berubah sahaja)

	KA hari Ini % setahun	Jika KA meningkat 1%	Jika KA meningkat 2%
Ansuran bulanan untuk _____ tahun			
Jumlah keuntungan pada akhir tempoh _____ tahun			
Jumlah keseluruhan pembayaran pada akhir tempoh _____ tahun			

**PENTING:**

- Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Sila rujuk laman web kami di [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my) → Kadar → Kadar Pembiayaan untuk KA terkini.
- Berdasarkan ilustrasi di atas, jumlah pembayaran (ansuran) bulanan akan dinaikkan/diturunkan dengan kenaikan/penurunan KA. Anda boleh mengemukakan permintaan bertulis kepada pihak Bank dan pihak Bank boleh mempertimbangkan untuk mengekalkan pembayaran bulanan yang sama walaupun terdapat kenaikan pada KA, dengan syarat bahawa perkara itu mencukupi untuk menampung keuntungan bulanan. Perbezaan pembayaran bulanan kemudian akan dikumpulkan hingga akhir tempoh pembiayaan.
- Pada tempoh matang kemudahan pembiayaan, anda harus membayar baki belum jelas sepenuhnya atau pihak Bank dengan pertimbangannya, memberikan lanjutan tempoh pembiayaan untuk memudahkan penyelesaian melalui jumlah pembayaran bulanan yang dipersetujui. Sekiranya tempoh pembiayaan yang diberikan dilanjutkan melebihi usia persaraan, anda tetap wajib membayar pembayaran bulanan tersebut. Namun, anda boleh memilih bila-bila masa untuk menyelesaikan sepenuhnya kemudahan pembiayaan setelah mencapai usia persaraan.

**8. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

Jenis Yuran/Caj	Butiran Yuran/Caj
Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)
Yuran Pemprosesan	Tiada caj
Yuran Broker	Yuran Broker adalah yuran yang dikenakan untuk setiap transaksi Tawarruq dilakukan oleh Bank. Yuran Broker yang dikenakan adalah pada RM5.00 bagi setiap RM1.0 juta berdasarkan asas pro-rata.  <u>Contoh:</u> Bagi pembiayaan sebanyak RM10,000, Yuran Broker adalah seperti berikut :- = RM10,000 X RM5.00/RM1,000,000 = <b>RM0.05</b>
Yuran mendapatkan Sekuriti Dokumen (bagi setiap permintaan – set lengkap Dokumen Sekuriti)	RM30.00
Caj Penghantaran	Kos sebenar akan ditanggung oleh pelanggan
Penyata Pembiayaan Tambahan: (untuk sebarang permintaan bagi pengeluaran semula penyata pembiayaan sebagai tambahan kepada penyata pembiayaan yang telah dikeluarkan kepada pelanggan)	RM10.00 bagi setiap permintaan



**Nota:**

- Yuran Broker adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang disebut oleh pembekal komoditi.
- Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas Kemudahan pembiayaan anda.
- Seperti semua terma dan syarat lain yang terkandung di dalam Terma dan Syarat Am.

**9. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?**

- Sekiranya anda gagal memenuhi kewajipan pembayaran anda tepat pada masanya, caj ganti rugi (*Ta'widh*) berikut akan terpakai:-

**Sebelum tarikh matang Kemudahan tersebut:**

Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak sehingga tarikh pembayaran penuh:

$$\text{= Ansuran/Keuntungan Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

**Semasa dan selepas tarikh matang Kemudahan tersebut:**

Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) pada baki belum jelas i.e. Harga Jualan tertunggak ditolak *ibra* (jika ada):

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Ia akan bermula daripada tarikh pembayaran pertama kali dimungkiri sehingga tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- Caj ganti rugi pada kadar yang disebutkan di atas akan dibayar oleh anda selepas dan juga sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- Walau apa pun jumlah caj ganti rugi yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amaun caj ganti rugi tersebut tidak akan dikompaun lagi.
- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, hubungi kami awal untuk membincangkan pembayaran alternatif. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan akibat berikut:
  - Kami boleh menolak mana-mana baki kredit dalam akaun yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun Kemudahan ini di mana, kami akan memberitahu anda terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
  - Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Anda perlu menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kurangan (*shortfall*) setelah tindakan undang-undang diambil terhadap anda.
  - Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang akan menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- Seperti terma dan syarat lain dalam Terma dan Syarat Am.

**10. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Pihak Bank tidak mengenakan tempoh tertutup (*lock-in*) untuk Kemudahan ini dan tiada yuran yang dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (*ibra*) yang bersamaan dengan Keuntungan Tertunda semasa waktu penyelesaian.
- Formula Rebate (*ibra*):

$$\text{Rebat (ibra)} = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{Kos Anggaran Munasabah yang Ditanggung oleh Bank}$$

**Nota:**

- *Keuntungan Tertunda* = Jumlah Keuntungan Dipersetujui – Keuntungan Terakru
- *Jumlah Keuntungan Dipersetujui* = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank
- *Keuntungan Terakru* dikira berdasarkan Kadar Keuntungan atas prinsipal tertunggak yang digunakan

- Agent -

Nama:

IC:





<b>11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?</b>												
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.</li> <li>• Walau bagaimanapun, anda perlu menyediakan deposit sekuriti atau bayaran pendahuluan (jika dikehendaki oleh pihak Bank) yang mana, ianya akan ditolak daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan.</li> <li>• Amaun tersebut akan digunakan untuk menyelesaikan sebarang tunggakan apabila berlakunya kegagalan pembayaran.</li> </ul>												
<b>12. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?</b>												
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Takaful Keluarga Kredit Berkelompok (TKKB) adalah sangat digalakkan di mana anda boleh mendapatkan perlindungan tersebut daripada panel pengendali Takaful Bank. Sumbangan tunggal boleh ditolak daripada amaun pembiayaan yang diluluskan apabila pembayaran pembiayaan dibuat.</li> <li>• Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, pihak Takaful akan membayar semua amaun belum dijelaskan dengan Bank. Ini akan meringankan beban pembayaran bagi waris atau keluarga terdekat anda.</li> </ul> <p><b>Nota:</b>  <i>Pihak Bank akan memberi sebutharga untuk sebarang perlindungan Takaful yang ditawarkan oleh panel Takaful Bank. Walau bagaimanapun, anda juga bebas memilih perkhidmatan Takaful daripada syarikat pengendali Takaful yang lain.</i></p>												
<b>13. Apakah risiko utama?</b>												
<p><b>Untuk Pembiayaan Kadar Tetap:</b>  Pembayaran Harga Jualan Bank adalah secara ansuran berkala. Oleh kerana kadar keuntungan telah ditetapkan terlebih dahulu, sebarang perubahan kepada KA tidak akan memberi kesan kepada ansuran bulanan anda.</p> <p><b>Untuk Pembiayaan Kadar Berubah:</b>  Kadar keuntungan bagi pembiayaan ini adalah terapung dan bersandar kepada KA. Peningkatan dalam kadar keuntungan mungkin mengakibatkan bayaran bulanan yang lebih tinggi/lanjutan tempoh pembiayaan.</p> <p><b>Nota:</b>  <i>Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi dan berbincang dengan pihak kami.</i></p>												
<b>14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?</b>												
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya kepada anda.</li> <li>• Selaras dengan dasar/garis panduan Affin Islamic Bank dan dokumen sekuriti standard, sebarang perubahan pada butiran peribadi perlulah secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh pelanggan dan dialamatkan kepada Affin Islamic Bank Berhad.</li> </ul>												
<b>15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?</b>												
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran di:</li> </ul> <table border="1" data-bbox="290 1460 1430 1648"> <tr> <td rowspan="2"> <b>Alamat:</b>  <b>AFFIN BANK BERHAD</b>  <b>Jabatan Pungutan &amp; Pemulihan Konsumer</b>  401 &amp; 501, Block C, Kelana Business Centre,  Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya,  Selangor Darul Ehsan. </td> <td> <b>Pusat Panggilan</b>  Waktu Operasi:  8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis)  8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat) </td> <td>03-8230 2828</td> </tr> <tr> <td> <b>No. Faks</b> </td> <td>03-7947 5400 03-7947 5540</td> </tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi "e-Borang untuk membuat maklumbalas/aduan pelanggan" yang boleh didapati di laman web Bank di <a href="http://www.affinislamic.com.my">www.affinislamic.com.my</a> yang akan dihantar ke Khidmat Pelanggan &amp; Kualiti. Anda juga boleh menghubungi kami di:</li> </ul> <table border="1" data-bbox="290 1809 1430 2020"> <tr> <td rowspan="2"> <b>Alamat:</b>  <b>Khidmat Pelanggan &amp; Kualiti</b>  Tingkat 17, Menara Affin,  80, Jalan Raja Chulan,  50200 Kuala Lumpur. </td> <td> <b>Pusat Panggilan</b>  Waktu Operasi:  8:00 pg. – 12:00 mlm. (Isnin – Ahad) </td> <td>03-8230 2222</td> </tr> <tr> <td> <b>Talian Khidmat Pelanggan</b>  Waktu Operasi:  8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis)  8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat) </td> <td>1-800-88-3883</td> </tr> </table>			<b>Alamat:</b> <b>AFFIN BANK BERHAD</b> <b>Jabatan Pungutan &amp; Pemulihan Konsumer</b> 401 & 501, Block C, Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	<b>Pusat Panggilan</b> Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	03-8230 2828	<b>No. Faks</b>	03-7947 5400 03-7947 5540	<b>Alamat:</b> <b>Khidmat Pelanggan &amp; Kualiti</b> Tingkat 17, Menara Affin, 80, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.	<b>Pusat Panggilan</b> Waktu Operasi: 8:00 pg. – 12:00 mlm. (Isnin – Ahad)	03-8230 2222	<b>Talian Khidmat Pelanggan</b> Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	1-800-88-3883
<b>Alamat:</b> <b>AFFIN BANK BERHAD</b> <b>Jabatan Pungutan &amp; Pemulihan Konsumer</b> 401 & 501, Block C, Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	<b>Pusat Panggilan</b> Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	03-8230 2828										
	<b>No. Faks</b>	03-7947 5400 03-7947 5540										
<b>Alamat:</b> <b>Khidmat Pelanggan &amp; Kualiti</b> Tingkat 17, Menara Affin, 80, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.	<b>Pusat Panggilan</b> Waktu Operasi: 8:00 pg. – 12:00 mlm. (Isnin – Ahad)	03-8230 2222										
	<b>Talian Khidmat Pelanggan</b> Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	1-800-88-3883										



No. Faks	03-2026 1104
E-mel	<a href="mailto:yourvoice@affinbank.com.my">yourvoice@affinbank.com.my</a>
Laman Web	<a href="https://www.affinislamic.com.my">https://www.affinislamic.com.my</a> <a href="https://www.affinonline.com">https://www.affinonline.com</a>

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

<b>Alamat:</b> <b>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)</b> Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.	AKPK Infoline	03-2616 7766
	No. Faks	03-2616 7601
	E-mel	<a href="mailto:enquiry@akpk.org.my">enquiry@akpk.org.my</a>
	Waktu Operasi	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

<b>Alamat:</b> <b>BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)</b> Bank Negara Malaysia, Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.	No. Telefon	1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
	Waktu Operasi:	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)
	No. Faks	+603-2174 1717 (luar negara)
	E-mel	<a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>
	Borang Web eLINK	<a href="https://telelink.bnm.gov.my">https://telelink.bnm.gov.my</a>

#### 16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan pembiayaan, sila kunjungi cawangan AFFIN ISLAMIC/AFFIN BANK yang berhampiran atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 atau layari laman web kami di [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my) untuk maklumat lebih lanjut.

#### 17. Pakej pembiayaan lain yang disediakan

- AFFIN Education Financing-i

### **NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA  
SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK  
PEMBIAYAAN ANDA**

- Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh staf, wakil atau ejen Bank.

NAMA : FATMAH BINTI AHMAD

TARIKH : 01-03-2021

TANDATANGAN : 

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran pendedahan ini sah dari **3 Februari 2021**

\*LPP ini perlu diisi oleh Pegawai Jualan Bank

-AGENT-

-Nama:  
lc :

